

17 JUL 1999

Zaharah-Pasukan

PASUKAN GERAK KHAS WANITA BN DILANCAR 21 JULAI INI

KUANTAN, 17 Julai (Bernama) -- Pasukan Gerak Khas Wanita Barisan Nasional (BN) yang akan dilancarkan pada 21 Julai ini akan dianggotai kira-kira 200 ketua-ketua wanita parti-parti komponen BN dari seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Malaysia, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman hari ini berkata penubuhan pasukan berkenaan bertujuan memantapkan kepimpinan ketua-ketua wanita dalam semua parti komponen BN bagi memastikan kemenangan BN pada pilihan raya umum akan datang.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan Pasukan Gerak Khas itu pada 21 Julai ini di Pusat Dagangan Dunia Putra dan menyampaikan amanatnya kepada kesemua pemimpin wanita terbabit," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kem Perubatan di Felda Panching Utara di sini.

Katanya, pemimpin wanita terbabit juga akan diberikan kursus khas supaya mereka dapat bekerja sama sebagai satu pasukan sejajar dengan semangat BN.

Beliau berkata dengan cara itu, pemimpin-pemimpin wanita dapat turun ke peringkat negeri, bahagian dan parti masing-masing serta menyusun aktiviti kemasyarakatan yang membawa kepada semangat muhibbah, perpaduan serta setiakawan.

Mengenai cadangan Pergerakan Wanita Umno untuk mewujudkan panel peguam bagi membantu kes-kes syariah, Siti Zaharah berkata jawatankuasa yang ditugaskan untuk membentuk panel itu sudahpun menjalankan beberapa mesyuarat penyelarasan dan membincangkan isu-isu berbangkit.

Katanya, jawatankuasa terbabit juga turut menyenaraikan kira-kira 10 peguam yang difikirkan sesuai untuk menganggotai panel itu.

Pembentukan panel peguam di kalangan anggota Pergerakan Wanita Umno itu ialah bagi membantu wanita yang tidak mendapat pembelaan sewajarnya di Mahkamah Syariah.

Beliau berkata Wanita Umno ingin memberikan bantuan berikutan banyak kes membabitkan wanita Islam, terutamanya kes rumahtangga yang tertanggung dan tidak diberikan pembelaan sewajarnya.

Katanya, penubuhan panel peguam itu merupakan tambahan kepada klinik guaman wanita yang sedia ada, yang kini memberi khidmat guaman dengan bayaran minimum kepada wanita bermasalah.

-- BERNAMA

ROS RI